



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**NILAI DAN PENERIMA GUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN
MAKLUMAT TERPILIH DALAM KALANGAN BELIA ORANG ASLI
DI BUKIT LANJAN DAN PULAU CAREY SELANGOR**

WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL

IPSS 2009 1

**NILAI DAN PENERIMA GUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN
MAKLUMAT TERPILIH DALAM KALANGAN BELIA ORANG ASLI
DI BUKIT LANJAN DAN PULAU CAREY SELANGOR**

OLEH

WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL

**Tesis Ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi
Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

2009



**NILAI DAN PENERIMA GUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN
MAKLUMAT TERPILIH DALAM KALANGAN BELIA ORANG ASLI
DI BUKIT LANJAN DAN PULAU CAREY SELANGOR**

OLEH

WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL

**Tesis Ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi
Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mei 2009

Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**NILAI DAN PENERIMA GUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN
MAKLUMAT TERPILIH DALAM KALANGAN BELIA ORANG ASLI
DI BUKIT LANJAN DAN PULAU CAREY SELANGOR**

Oleh

WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL

Mei 2009

Pengerusi : Sarjit Singh Darshan Singh, PhD

Fakulti : Insitut Pengajian Sains Sosial

Belia Orang Asli sering dikaitkan sebagai golongan yang menentang dan sukar menerima pembangunan. Dalam masa yang sama, penerimaan atau penolakan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dihubungkan dengan nilai yang dipegang oleh mereka. Namun, persoalannya, adakah belia Orang Asli menggunakan ICT? Apakah yang mendorong belia Orang Asli menggunakan ICT dalam kehidupan harian mereka? Apakah nilai yang dipegang oleh belia Orang Asli? Sejauh manakah nilai mempengaruhi belia Orang Asli untuk menerima ICT? Oleh demikian, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti penggunaan dan dorongan menggunakan ICT terpilih dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey Selangor. Kajian ini juga dilaksanakan untuk mengenal pasti nilai belia Orang Asli terhadap ICT terpilih dan seterusnya menghuraikan nilai belia Orang Asli terhadap ICT dalam mempengaruhi penerima gunaan ICT.

Kajian ini menggunakan kaedah deduktif dengan mengaplikasikan pendekatan kuantitatif bagi mencapai objektif pertama dan kedua. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif ketiga serta menggunakan reka bentuk survei. Seterusnya data kualitatif digunakan untuk menghuraikan data kuantitatif bagi mencapai objektif kajian keempat. Seramai 200 orang responden, iaitu belia Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Manakala 24 orang dari jumlah tersebut dipilih sebagai informan bagi menjalankan penyelidikan kualitatif. Data kuantitatif dikumpulkan dengan menggunakan borang selidik yang mengikut format skala Likert, manakala kaedah kualitatif menggunakan pendekatan triangulasi data yang diperoleh melalui temu bual mendalam, temu bual kumpulan berfokus dan pemerhatian tanpa turut serta.

Hasil kajian menunjukkan belia Orang Asli menggunakan ICT dalam hidup mereka, namun penggunaan tersebut bergantung pada jenis ICT. ICT yang mudah seperti televisyen dan telefon bimbit kebanyakannya digunakan oleh belia Orang Asli. Manakala bagi ICT yang kompleks dan memerlukan pengetahuan serta kemahiran yang khusus kurang digunakan oleh belia Orang Asli. Bagi dorongan menggunakan ICT, terdapat empat dorongan utama yang mendorong belia Orang Asli menggunakan ICT, iaitu keperluan dalam hidup, ingin membangun, ingin mendapatkan maklumat baru dan kewangan keluarga. Belia Orang Asli dari kedua-dua lokasi berbeza tersebut juga mempunyai nilai yang sama terhadap ICT, iaitu nilai rangsangan, nilai keselamatan, nilai keakuran, nilai universalisme dan nilai hedonisme.

Dari sudut yang lain pula, nilai yang dipegang oleh belia Orang Asli mempengaruhi mereka untuk menerima ICT. Manifestasi nilai dapat dilihat melalui tingkah laku

penggunaan ICT serta dorongan khusus dalam menggunakan ICT. Oleh itu, bagi memastikan belia Orang Asli dapat menyertai pembangunan arus perdana negara, mereka perlu terus didedahkan dengan pembangunan ICT secara bersusun dan semasa.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Master of Science

**THE VALUE AND ADOPTION OF SELECTED INFORMATION AND
COMMUNICATION TECHNOLOGY AMONG ORANG ASLI YOUTH OF
BUKIT LANJAN AND CAREY ISLAND, SELANGOR**

By

WAN AHMAD AMIR ZAL B WAN ISMAIL

May 2009

Chairman : Sarjit Singh Darshan Singh, PhD

Faculty : Institute of Social Science Studies

The Orang Asli youth always been known to be against development and will resist any attempts to develop the community. However, their acceptance or refusal to accept ICT is influenced by their values they adhered to. Therefore, to what extent are the youth using the ICT? What influence them to use ICT? What are the values they attach in using ICT? To what extent are their values influencing them in using ICT? This study intends to identify the factors that influence and the extent of usage of selected ICT among Bukit Lanjan's Orang Asli and Carey Island's Orang Asli youth in Selangor. The values attached to the use of selected ICT by the Orang Asli youth will also be identified.

This research used the deductive strategy, where the quantitative approach was applied in order to answer the first and second research objectives. This research used the qualitative approach to accomplish the third research objective as well as the use of social survey. The qualitative data was used to explain the quantitative data for the

fourth research objective. 200 respondents from Bukit Lanjan Orang Asli and Carey Island Orang Asli youth was chosen using purposive sampling, and 24 of them were chosen as the informant for the qualitative research. The survey instrument was a questionnaire that uses Likert Scaling, whereby the qualitative method which used triangulation was collected through interpersonal interview, focus group interview and non participation observation.

Research showed that the Orang Asli's youth also utilized the ICT in their daily life, however their utilization is depended upon the type of ICT. Widely used ICT like television and cell phone were commonly used by the Orang Asli's youth. ICT that is complex and required a lot of knowledge as well as some specific skills, is seldom used by the Orang Asli's youth. Four main factors that influence the Orang Asli's youth to utilize ICT are daily life necessity, need for development, eagerness to get recent information and family finance. The Orang Asli's youth from the to two location have the same value towards ICT which are stimulation, security, conformity, universalism and hedonism.

On the other hand, the value that is attached to the Orang Asli's youth influences them to adopt the use of ICT. The manifestation of the value can be seen in the attitude through the adoption and utilization ICT. Therefore, the development programs which have been done for the Orang Asli all this time are worthwhile and has produced good result. Therefore, to ensure that Orang Asli youth can fully participate in the national development, they must be exposed to ICT in a systematic and consistent manner.

PENGHARGAAN

BismillAHir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah, pertama-tamanya saya merakamkan kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT, kerana dengan cinta dan kasih sayang-NYA, saya telah dapat menyiapkan tesis ini dengan baik. Selawat dan salam diucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Ucapan terima kasih diucapkan kepada bonda yang tercinta, Hajjah Fauziah binti Awang, kerana tidak pernah jemu mendoakan anakanda. Doa kesejahteraan untuk Allahyarham Ayahandaku Wan Ismail Wan Mahmood, pengorbanan membesarkan saya, tak akan dapat dilupakan. Luahan rasa cintaku kepada isteriku, Rosyiha binti Yusoff yang setia menemani kekanda sepanjang menyiapkan tesis ini.

Ribuan penghargaan kepada ketua penyelia tesis, Dr Sarjit Singh Darshan Singh di atas peluang dan nasihat yang berguna. Ribuan terima kasih kepada Dr Zahid Emby, Prof. Madya Dr Abdul Halin Hamid, Dr Ma'rof Redzuan dan Prof Dr Salleh kerana banyak memberi cadangan dan nasihat yang bernas-bernas belaka. Penghargaan yang khusus kepada *mamak* Jo bin Komar, aktivis Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang telah banyak membantu dalam proses mengumpul data kajian. Rakan-rakan pembantu penyelidik Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan yang telah menyumbangkan idea yang baik. Dan kepada semua responden, informan serta semua individu mahupun organisasi yang telah membantu menyiapkan tesis ini.

ALLAH pasti memberi ganjaran yang besar kepada kalian.

Ya ALLAH, rahmatilah kami semua. Amin.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 27 Mei 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “**Nilai dan Penerima Gunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat Terpilih dalam Kalangan Belia Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey Selangor**” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nobaya Ahmad, PhD

Timbalan Dekan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ma’Rof Redzuan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Musa Abu Hassan, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mustaffa Omar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 01 Jun 2009

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sarjit Singh Darshan Singh, PhD

Pensyarah Kanan
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Md Salleh Haji Hassan, PhD

Profesor
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zahid Emby, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 09 Julai 2009

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL

Tarikh: 27 Julai 2009

KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------|---------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iv |
| PENGHARGAAN | vi |
| PENGESAHAN | vii |
| PERAKUAN | ix |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |

Bab

| | | |
|----------|--|----|
| 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Penyataan Masalah | 4 |
| 1.3 | Objektif Kajian | 8 |
| 1.4 | Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.5 | Definisi Istilah | 10 |
| 1.6 | Skop dan Limitasi | 13 |
| 1.7 | Rumusan | 15 |
| 2 | TINJAUAN LITERATUR | 16 |
| 2.1 | Pengenalan | 16 |
| 2.2 | Belia Orang Asli | 16 |
| 2.3 | Konsep Nilai | 21 |
| 2.4 | Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) | 26 |
| 2.5 | Teori Difusi Inovasi dan Teori Nilai | 32 |
| 2.6 | Gambaran Umum Masyarakat Peribumi dan ICT | 44 |
| 2.7 | Kerangka Teori dan Konsep | 47 |
| 2.8 | Rumusan | 50 |
| 3 | KAEDAH PENYELIDIKAN | 51 |
| 3.1 | Pengenalan | 51 |
| 3.2 | Proses dan Prosedur Penyelidikan | 51 |
| 3.3 | Proposal Penyelidikan | 53 |
| 3.3.1 | Reka bentuk penyelidikan | 53 |
| 3.3.2 | Lokasi, Populasi dan Sampel | 55 |
| 3.4 | Permohonan Menjalankan Penyelidikan | 61 |
| 3.5 | Pembinaan soalan untuk aktiviti FGD | 62 |
| 3.6 | Mohon Kebenaran Tok Batin | 64 |
| 3.7 | Menjalankan FGD | 64 |
| 3.8 | <i>Transcribe</i> Data dan Membina Soalan Penyelidikan | 65 |
| 3.9 | Ujian Rintis Soalan Kuantitatif dan Kualitatif | 67 |
| 3.10 | Pengumpulan Data Kuantitatif dan Kualitatif | 68 |
| 3.10.1 | Pendekatan Kuantitatif | 68 |
| 3.10.2 | Pendekatan Kualitatif | 69 |

| | | |
|----------|---|------------|
| 3.11 | Analisis Data | 74 |
| 3.11.1 | Data Kuantitatif | 75 |
| 3.11.2 | Data Kualitatif | 75 |
| 3.11.3 | Analisis Silang | 76 |
| 3.12 | Hasil penyelidikan dan Penulisan | 77 |
| 3.13 | Rumusan | 78 |
| 4 | HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN | 79 |
| 4.1 | Pengenalan | 79 |
| 4.2 | Responden dan Informan | 79 |
| 4.3 | Penggunaan ICT dalam kalangan Belia Orang Asli | 85 |
| 4.3.1 | Penggunaan ICT | 85 |
| 4.4 | Dorongan Menggunakan ICT | 95 |
| 4.4.1 | Dorongan Menggunakan Televisyen | 96 |
| 4.4.2 | Dorongan Menggunakan Komputer | 99 |
| 4.4.3 | Dorongan Menggunakan Telefon Bimbit | 105 |
| 4.5 | Nilai Belia Orang Asli Terhadap ICT Terpilih | 108 |
| 4.5.1 | Latar belakang | 108 |
| 4.5.2 | Nilai Rangsangan | 109 |
| 4.5.3 | Nilai Keselamatan | 114 |
| 4.5.4 | Nilai Keakuran | 116 |
| 4.5.5 | Nilai Universalisme | 120 |
| 4.5.6 | Nilai Hedonisme | 122 |
| 4.5.7 | Rumusan | 124 |
| 4.6 | Pengaruh Nilai Terhadap Penerimaan Gunaan ICT | 125 |
| 4.6.1 | Latar belakang | 125 |
| 4.6.2 | Penggunaan dan Dorongan menggunakan ICT serta Hubungannya dengan Nilai Belia Orang Asli | 126 |
| 4.6.3 | Pengaruh Nilai terhadap Penerima Gunaan ICT Terpilih | 129 |
| 4.6.4 | Rumusan | 141 |
| 5 | RINGKASAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN | 145 |
| 5.1 | Pengenalan | 145 |
| 5.2 | Ringkasan | 145 |
| 5.3 | Implikasi Kajian | 146 |
| 5.4 | Cadangan Mengatasi Masalah | 151 |
| 5.5 | Cadangan untuk Kajian akan Datang | 157 |
| 5.6 | Kesimpulan | 159 |
| | RUJUKAN | 162 |
| | LAMPIRAN | 175 |
| | BIODATA PENULIS | 186 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|-------|---|---------|
| 2.1 | Kerangka Konseptual | 49 |
| 3.1 | Proses dan Prosedur Penyelidikan | 52 |
| 4.1 | Penggunaan ICT | 85 |
| 4.2 | Dorongan Menggunakan Televisyen | 96 |
| 4.3 | Dorongan Menggunakan Komputer | 100 |
| 4.4 | Dorongan Menggunakan Telefon Bimbit | 105 |
| 4.5 | Penggunaan dan Dorongan Menggunakan ICT | 126 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|--------|---|---------|
| 2.1 | Dasar dan Fokus Pembangunan Orang Asli | 19 |
| 3.1 | Perincian Nilai | 63 |
| 3.2 | Kebolehpercayaan Soalan Penyelidikan Ujian Rintis | 67 |
| 3.3 | Kebolehpercayaan Instrumen Penyelidikan Sebenar | 68 |
| 4.1 | Profil Responden Kaedah Kuantitatif | 80 |

SENARAI SINGKATAN

| Alfabet | Keterangan |
|----------------|---|
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| DPN | Dasar Pertanian Negara |
| FGD | Focus Group Discussion |
| FGI | Focus Group Interview |
| IADP | Integrated Agriculture Development Programme |
| ICT | Information Communication Technology |
| JHEOA | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli |
| JKKK | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| MCIT | Malaysia Council Information Technology |
| MSC | Koridor Raya Multimedia |
| OA | Orang Asli |
| PIPP | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| POASM | Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia |
| RMK | Rancangan Malaysia Ke |
| RPS | Rancangan Pengumpulan Semula |
| UPE | Unit Perancangan Ekonomi |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Orang Asli sering dianggap sebagai masyarakat primitif yang kurang mementingkan pembangunan dan mereka juga dikenali sebagai golongan yang anti pembangunan (Hood Salleh, 1989). Oleh yang demikian, usaha membangunkan mereka menjadi sia-sia sahaja kerana mereka tidak akan menerimanya (Hunt, 1998). Menyorot kembali sejarah pembangunan Orang Asli, dasar awal pembangunan Orang Asli di Malaysia berkait rapat dengan perang saraf untuk menentang pengaruh komunis. Di sepanjang tempoh 1954 hingga 1990, penggubalan dasar dan pelaksanaan pembangunan Orang Asli tertumpu pada usaha untuk memujuk mereka supaya sentiasa berpihak kepada kerajaan.

Walaupun terdapat dasar-dasar pembangunan jangka panjang yang konkrit digubal untuk membela nasib Orang Asli, namun masih terdapat sesetengah golongan yang berpendapat bahawa warga peribumi tersebut tetap tidak menginginkan pembangunan. Masyarakat Orang Asli dikatakan ingin hidup bebas dari sebarang gangguan dan menjalani kehidupan mereka seperti seadanya, kerana itu adalah kehidupan dan identiti yang mereka inginkan. Oleh yang demikian, usaha kerajaan membangunkan masyarakat ini dianggap lebih bersifat mengganggu ketenteraman hidup yang dinikmati oleh mereka (Hasan Mat Nor, 1998).

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan sering melaungkan pembangunan yang holistik, akan tetapi menurut Hasan Mat Nor (1998), masyarakat peribumi tidak diintegrasikan ke dalam sistem ekonomi, sosial dan politik negara. Dalam pembangunan tersebut, masyarakat ini lebih kerap menjadi ‘pemerhati’ berbanding dengan terlibat secara aktif untuk memberi sumbangan kepada negara dan menikmati pembangunan yang dibina. Dicelah-celah pembangunan tersebut juga, Orang Asli terus ketinggalan dalam mendapatkan kemudahan pembangunan infrastruktur. Sehingga kini, hanya beberapa perkampungan yang mendapat kemudahan seperti jalan, bekalan air dan elektrik.

Asnarulkhadi (2005) menyatakan bahawa komuniti Orang Asli dianggap terpinggir dan tidak diintegrasikan bersama dalam perkembangan dan arus perdana pembangunan negara. Mereka bukan sahaja tidak menikmati kemajuan tetapi juga dianggap tidak dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Keadaan keterpinggiran ini atau keterasingan agregat manusia ini juga berkemungkinan disebabkan oleh arus pembangunan perdana yang gagal membawa atau memasukkan mereka bersama sehingga menyebabkan mereka terpinggir.

Namun bagi Omar Othman (2004), pembangunan yang dilaksanakan terhadap Orang Asli dilihat lebih banyak memberi impak positif berbanding negatif. Ini terbukti apabila keadaan Orang Asli yang berbeza selepas pembangunan dengan keadaan sebelum menerima pembangunan. Sungguhpun hasrat pembangunan tidak dinyatakan dengan jelas melalui penyata berkenaan kerana diselubungi oleh matlamat untuk mengintegrasikan Orang Asli kepada masyarakat arus perdana, tetapi apa yang cuba dilaksanakan adalah menuju ke arah memajukan mereka (Ramle, 2007).

Pembangunan tersebut mengalami beberapa kesukaran yang mana menurut Mansor, Abdul Rahman dan Mohamad Ainuddin (2006), Orang Asli lebih suka hidup di alam bebas dan ini menyukarkan kerajaan untuk membuat perancangan pembangunan yang jelas dan berfaedah. Kesannya, mereka terus menjadi terbiar dan terpinggir dari arus pembangunan negara. Oleh yang demikian, pihak kerajaan telah merancang untuk membangunkan Orang Asli dengan lebih berkesan melalui seperti Rancangan Pengumpulan Semula (RPS). Melalui Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), ia dapat memperbaiki dan mempelbagaikan orientasi pengeluaran atau produk Orang Asli supaya lebih produktif dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka (Mustaffa Omar, 2003).

Dicelah-celah pembangunan asas tersebut, kerajaan tetap tidak lupa untuk membawa Orang Asli terlibat dengan pembangunan kontemporari iaitu pembangunan ICT. Ia jelas dapat dilihat dalam RMKe-8 dan Ke-9 yang mana kerajaan cuba mengurangkan jurang digital dalam pelbagai peringkat masyarakat. Namun, sejauh mana Orang Asli dapat menerima pembangunan baru ini? Penerimaan Orang Asli terhadap ICT masih tidak dapat dinilai kerana masih tidak terdapat kajian yang dibuat tentang fenomena tersebut.

Kesimpulannya, pembangunan ICT mempunyai kemungkinan untuk diterima atau ditolak oleh Orang Asli kerana kemampuan Orang Asli untuk menerima pembangunan boleh dikatakan sama dengan masyarakat peribumi lain yang telah dijalankan kajian sebelum ini. Namun, ia bergantung terhadap nilai yang dipegang oleh mereka kerana menurut Schwartz (2006), nilai memainkan peranan yang penting dalam menentukan tingkah laku khusus individu dan komuniti terhadap sesuatu

perkara. Oleh itu, pembangunan ICT yang dijalankan ke atas Orang Asli perlu dilaksanakan dengan sistematik dan konsisten agar ia memberi impak yang positif kepada Orang Asli.

1.2. Pernyataan Masalah

Dalam era globalisasi ini, kebanyakan negara berlumba-lumba untuk mengambil manfaat dari ICT dengan cara membangunkan dan menggalakkan penggunaan ICT dalam kegiatan seharian rakyat mereka. Malaysia di antara negara yang telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk pembangunan ICT. Kesungguhan kerajaan untuk membangunkan ICT merupakan manifestasi dari kesedaran kerajaan tentang kekuatan yang ada pada ICT iaitu kemampuannya untuk memperkasakan dan membentuk generasi yang membangun (Kenny, 2002). ICT juga merupakan teknologi yang berkuasa dalam kepantasan dan keberkesanan untuk mengubah kualiti hidup masyarakat (Gani dan Clemes, 2006).

Menurut Musa Abu Hassan (2008), ICT lahir daripada dua konsep iaitu teknologi dan komunikasi. Teknologi ialah cara, peralatan, bahan atau perisian untuk melakukan, membuat atau membina sesuatu. Sementara itu teknologi maklumat merupakan kaedah, peralatan dan perisian yang terlibat dalam proses penjanaan, pengurusan, penyebaran, pengurusan dan penyimpanan maklumat yang tidak terhad dalam bentuk tulisan atau teks sahaja. ICT merangkumi perkakasan, perisian, kandungan, aplikasi, bahan serta produk yang mempunyai atau membawa mesej, maklumat atau ilmu pengetahuan yang dapat akses dan digunakan.

Kesungguhan kerajaan untuk menggalakkan penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat dapat dilihat melalui usaha kerajaan yang telah mempercepatkan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), membangunkan Malaysia sebagai hub ICT dan multimedia global serta mempertingkatkan kesedaran tentang ICT dalam kalangan penduduk melalui kempen di seluruh negara dan pendidikan ICT (Kerajaan Malaysia, 2001). Peranan dan tanggungjawab kerajaan dalam menyediakan kemudahan fizikal, prasarana, galakan serta polisi untuk menggalakkan penggunaan ICT tidak boleh dipandang ringan (Musa Abu Hassan, 2008). Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi menggalakkan dan menyampaikan ICT di setiap lapisan masyarakat, di antaranya ialah kerajaan telah melaksanakan pembangunan infrastruktur untuk memudahkan akses yang menyeluruh serta menyediakan perkhidmatan dan produk ICT yang mampu beli. Bagi tujuan tersebut, beberapa inisiatif diambil seperti menubuhkan *telecentre* di kawasan luar liputan, semakan semula tarif langganan telefon dan Internet serta menggalakkan pemilikan komputer peribadi (Kerajaan Malaysia, 2006).

Bagi menggiatkan lagi penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat, kerajaan telah membenarkan para pekerja mengeluarkan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli komputer, memberikan pinjaman anjal bagi tujuan yang sama dan mengecualikan pembayaran cukai pendapatan bagi perbelanjaan pembelian komputer serta kempen kesedaran satu rumah satu komputer pada tahun 2001 (Musa Abu Hassan, 2008). Segala usaha tersebut dibuat adalah bertujuan bagi merealisasikan matlamat untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 kelak.

Namun, dicelah-celah keagresifan kerajaan menggalakkan penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat, menurut sesetengah penulis, belia Orang Asli terus ketinggalan dari arus pembangunan ICT tersebut. Bagaimana mungkin belia Orang Asli dapat menggunakan ICT dengan baik sedangkan mereka belum mendapat kemudahan asas yang sempurna (Hassan Mat Nor, 1998). Sungguhpun demikian, melalui pembangunan yang dijalankan ke atas mereka sama ada pembangunan khusus atau umum (Siti Nor Awang dan Juli Edo, 2003), belia Orang Asli telah didedahkan dengan pelbagai bentuk pembangunan termasuklah pembangunan ICT. Dalam pelaksanaan pembangunan ICT tersebut, belia Orang Asli tidak mampu untuk mengikuti pembangunan ICT dengan baik. Keadaan ini mampu mewujudkan jurang digital yang besar di antara belia Orang Asli dengan masyarakat di arus pembangunan perdana negara. Jurang digital berlaku disebabkan oleh ketidakseimbangan yang berlaku dalam masyarakat terutama dari segi ekonomi, pendapatan, pendidikan serta kemudahan infrastruktur dan jurang digital ini dapat dilihat melalui perbezaan akses, penggunaan dan nilai dalam masyarakat (Ting Kung Shiung dan Woo Yoke Ling, 2005 dan Norizan, 2007).

Jurang digital bukan sahaja berlaku di antara Orang Asli dengan masyarakat lain, akan tetapi jurang digital turut berlaku di antara perkampungan Orang Asli yang berada di lokasi berbeza sama ada di bandar atau pinggir bandar. Keadaan ini berlaku kerana terdapatnya ketidakseimbangan pembangunan Orang Asli di lokasi yang berbeza tersebut (Juli Edo, 2006). Kes di Bukit Lanjan dan Pulau Carey sebagai bukti yang kukuh, Orang Asli Bukit Lanjan ternyata jauh lebih maju berbanding Orang Asli Pulau Carey dari aspek pembangunan, lokasi penempatan, kemudahan fizikal, ruang interaksi dengan masyarakat lain dan sosioekonomi. Penempatan Orang Asli Bukit

Lanjan berada di kawasan bandar Damansara, Selangor dan menetap di rumah banglo yang lengkap dengan kemudahan asas, hidup berjiran dengan kaum yang pelbagai dan kebanyakannya tidak lagi bergantung dengan kegiatan tradisional seperti meramu dan memburu.

Namun keadaan ini jauh berbeza dengan Orang Asli yang tinggal di Pulau Carey yang mana perkampungan tersebut berada di pinggir bandar, masih hidup dalam persekitaran tradisional dan ruang untuk berkomunikasi dengan masyarakat lain adalah terhad lebih-lebih lagi mereka masih hidup dalam kelompok mereka sahaja. Walau bagaimanapun, kepenggunaan dan dorongan menggunakan ICT dalam kalangan belia Orang Asli dipengaruhi oleh nilai yang dipegang oleh mereka. Nilai ialah kepercayaan yang berlanjutan tentang tatacara tingkah laku tertentu atau hasil akhir yang diutamakan sama ada personal atau sosial (Rokeach, 1973). Nilai juga memainkan peranan yang besar dalam menentukan tingkah laku dan sikap seseorang (Henry dan Reyna, 2007).

Nilai belia Orang Asli telah banyak mengalami perubahan yang mana ia merupakan kesan langsung interaksi dengan persekitaran mereka yang telah menerima sentuhan pembangunan. Sungguhpun demikian, nilai belia Orang Asli dilihat sebagai kunci utama dalam menentukan reaksi terhadap ICT (Suzana, 2002). Sekiranya nilai belia Orang Asli tidak bersesuaian dengan ICT, sudah pasti mereka akan menolak ICT dan usaha kerajaan untuk merapatkan jurang digital akan gagal. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang berkaitan iaitu:

1. Adakah belia Orang Asli menggunakan ICT?
2. Apakah yang mendorong belia Orang Asli menggunakan ICT?

3. Apakah nilai terhadap ICT yang dipegang oleh belia Orang Asli?
4. Sejauh manakah nilai mempengaruhi belia Orang Asli dalam penerima gunaan ICT?

1.3 Objektif kajian

Objektif Am

Kajian ini pada umumnya mengenal pasti nilai belia Orang Asli terhadap ICT terpilih.

Objektif Khusus

Kajian yang dijalankan adalah untuk mencapai objektif khusus berikut:

1. Mengetahui penggunaan ICT terpilih dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey.
2. Mengetahui dorongan menggunakan ICT terpilih dalam kalangan belia Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey.
3. Mengetahui nilai belia Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey terhadap penerima gunaan ICT terpilih.
4. Menghuraikan nilai belia Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey terhadap penerima gunaan ICT terpilih.

1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian berkait dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian (Othman Lebar, 2007), kepentingan kajian juga membincangkan sumbangan kajian kepada teori, polisi, amalan, isu-isu sosial dan tindakan (Marshall dan Rossman,